



ANTARA pelajar sekolah yang turut menyertai aktiviti penanaman pokok.

# Hutan paya gambut pelindung hakisan

**H**UTAN paya gambut merupakan ekosistem penting dalam mengawal banjir, menstabilkan suhu bumi dan menjadi habitat kepada hidupan alam yang pelbagai spesies.

Ia juga memainkan peranan utama menyerap dua kali ganda gas karbon dioksida yang dilepaskan oleh manusia saban hari dan mengandungi pelbagai hasil hutan.

Namun, selain sering menjadi 'mangsa korban' untuk tujuan pembangunan, hutan ini juga mempunyai sifat mudah terbakar yang membawa kepada kerugian kepada alam dan manusia.

Kesannya, sumber hutan dan kepelbagaiannya biologi semakin berkurang, malah kebakaran tanah gambut juga menghasilkan gas rumah hijau dan asap yang memudarangkan kesihatan masyarakat setempat dan mengakibatkan kehilangan punca pendapatan.

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR  
intansuhanaomar@gmail.com

Peka dengan keadaan itu, Pusat Alam Sekitar Global (GEC) bekerjasama dengan BOH Plantation Sdn. Bhd., Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka), Gamuda Land serta komuniti setempat mengadakan program Pencegahan kebakaran berdasarkan komuniti di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Menurut Pengarah GEC, **Faizal Parish**, objektif utamanya adalah untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam usaha mencegah kebakaran hutan gambut, menjaga serta meningkatkan kesedaran

“Selain sering menjadi ‘mangsa korban’ untuk tujuan pembangunan, hutan ini juga mempunyai sifat mudah terbakar yang membawa kepada kerugian kepada alam dan manusia.”

mengenai pemuliharaan hutan jenis itu kepada generasi muda.

Katanya, antara usaha yang dijalankan adalah pelaksanaan Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan untuk HSKLU dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan (HSKLS) 2017-2021.

“Ia merangkumi kawalan kawasan sekitar untuk mengurangkan risiko

SEORANG pelajar menanam pokok di HSKLU.





CAROLINE RUSSEL (kanan) bersama Faizal Parish (kiri) menanam pokok di HSKLU.

kebakaran selain memberikan kesedaran melalui beberapa siri kempen kepada komuniti setempat dan Orang Asli di sekitarnya.

"Ia juga melibatkan pemantauan air dan penyelenggaraan terusan yang tersumbat, penanaman di kawasan 10 hektar dan penyelenggaraan berkala," ujarnya.

Tambahnya, lima unit Sistem Penilaian Bahaya Kebakaran (FDRS) dipasang sebagai sistem amaran awal dan memantau sama ada indeks kebakaran menunjukkan tahap sederhana, tinggi atau melampau.

Selain itu, pemetaan terusan dan penilaian tanah gambut turut dilakukan untuk mengenal pasti sebarang kebocoran yang boleh membawa kepada kebakaran.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Boh Plantations, **Caroline Russell** berkata, program menanam pokok di HSKLU turut diadakan bagi menyelamatkan ekosistem sensitif tersebut.

Sebanyak 600 pokok telah ditanam dengan bantuan 200 sukarelawan termasuk 40 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (Asli) Busut Baru dan Bukit Cheeding, masyarakat setempat, NGO serta wakil korporat.

Inisiatif penanaman pokok adalah sebahagian daripada

“

Sebanyak 600 pokok telah ditanam dengan bantuan daripada 200 sukarelawan termasuk 40 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (Asli) Busut Baru dan Bukit Cheeding, masyarakat setempat, NGO serta wakil korporat.

Pengurusan Air Hutan dan Pemuliharaan Hutan yang sedang dijalankan di landskap HSKLU bertumpu kepada pengurusan hidrologi gambut dan pencegahan serta kawalan kebakaran.

"Mereka bersama-sama menanam 600 pokok tenggek burung, satu spesies perintis di sebidang tanah seluas satu hektar.

"Apabila rakyat Malaysia dan golongan belia menganggap alam sekitar sebagai milik dan tanggungjawab bersama, kita pasti dapat membantu menyelamatkan serta memelihara hutan paya gambut yang indah ini," katanya.



DR. XAVIER JAYAKUMAR (empat, kiri) bersama peserta menanam pokok bakau di Sabak Bernam baru-baru ini.

## Jagalah hutan paya laut

**K**EUNIKAN ekosistem hutan paya laut yang mengalami air pasang surut serta menjadi habitat penting kepada pelbagai hidupan marin memerlukan penjagaan yang sewajarnya.

Peranan ekosistem hutan paya laut amat besar dalam menjaga pesisiran pantai daripada ancaman hakisan ombak yang kuat.

Justeru, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara dengan penglibatan pelbagai agensi lain di bawah kementerian berkenaan.

Sejak pelaksanaannya pada 2005, sebanyak 6.6 juta anak pokok telah ditanam di 2,800 hektar kawasan paya bakau di seluruh negara.

Program ini turut melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat dan individu.

Mengulas perkara itu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, **Dr. Xavier Jayakumar** berkata, sejumlah 5,000 spesies pokok ditanam sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2018.

Antara pokok yang ditanam adalah api-api jambu (*Avicennia marina*), perepat (*Sonnertia alba*), lenggadai (*Bruguiera parviflora*), bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dan bakau kurap (*Rhizophora mucronata*).

"Tahun ini merupakan kali kedua sambutan peringkat

kebangsaan dibuat secara serentak selepas diadakan di Terengganu sebelum itu dengan mengambil kira bahawa hutan paya laut merupakan salah satu daripada tiga jenis hutan utama yang membentuk profil hutan di Malaysia.

Tema sambutan iaitu Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat adalah bertepatan sekali kerana kepentingan hutan sebagai ekosistem yang menjamin kelangsungan hidup dan kesejahteraan masyarakat tetap mendapat tempat sebagai salah satu daripada agenda kehidupan kita pada hari ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan sambutan berkenaan di Hutan Simpan Kuala Bernam, Daerah Sabak Bernam baru-baru ini.

Pengisytiharan Hari Perhutanan Sedunia telah dipersetujui oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) pada 21 Mac setiap tahun.

Tarikh itu dipilih kerana merupakan hari pertama bermulanya musim bunga di hemisfera utara di mana pokok-pokok mula bertunas setelah melalui tempoh dorman sepanjang musim sejuk.

Malaysia menyambut Hari Hutan Antarabangsa yang pertama pada 2013 di Pahang. Sementara itu, sesi ke-38 sempena Persidangan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 6 November 2015 di Paris telah mengisytiharkan 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa.

Pengisytiharan itu

bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk memulihara ekosistem hutan paya laut termasuk kawasan pesisiran pantai bagi memastikan kelangsungan perannya.

Malaysia telah menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa pertama kalinya di Hutan Eko-Pelajaran Kuala Sepetang, Matang, Taiping, Perak pada 18 Ogos 2016.

Pelbagai aktiviti dijalankan pada majlis perasmian termasuk pelancaran sistem e-pesisir.

Aplikasi web-Sistem Maklumat Geografi (GIS) dibangunkan bagi memudahkan perancangan, pemantauan dan penyimpanan rekod bagi kawasan-kawasan yang telah dipulihkan.

Aplikasi tersebut dibangunkan dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) yang mencakupi tapak-tapak projek di Semenanjung.

Sebanyak RM30.10 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 16 projek berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Semenanjung tahun lalu.

Antaranya bagi Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemuliharaan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung, Projek Pengurusan dan Pembangunan Central Forest Spine dan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

Malaysia perlu berbangga kerana masih mengekalkan 55.2 peratus kawasan berhutan dan ia merupakan satu pencapaian besar buat negara.